



MEMO

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

**Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)
Kementerian Kerja Raya**

YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

JEMPUTAN KE PROGRAM WACANA KEPIMPINAN PERDANA: PPTD BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Malaysia akan menganjurkan **Program Wacana Kepimpinan Perdana: PPTD bersama YAB Perdana Menteri** yang bertemakan "**Mencipta Legasi Menelusuri Transformasi**". Matlamat program ini adalah bagi memberi peluang kepada ahli-ahli PPTD yang sedang berkhidmat di peringkat Persekutuan dan Negeri mendengar amanat dan pengharapan YAB Perdana Menteri akan peri pentingnya peranan pegawai PTD dalam memenuhi aspirasi Kerajaan untuk melestarikan pembangunan dalam usaha Negara kita Malaysia menjadi Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang Tahun 2020. PTD selaku tonggak kepada perkhidmatan awam perlu komited dan berdedikasi dalam melaksanakan dasar dan pembangunan Negara secara cekap dan berkesan. Sasaran kehadiran pegawai PTD ke program wacana ini adalah seramai 4,000 orang. Adalah dimaklumkan bahawa program ini akan disertai oleh Y.Bhg Tan Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dan Y.Bhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

3. Sehubungan itu, semua PTD di Kementerian ini **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri program tersebut mengikut ketetapan seperti berikut:

Tarikh : **17 Disember 2014 (Rabu)**

Masa : **4.30 petang - 6.30 petang**

Tempat : **Dewan Perdana
Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
Putrajaya**

Aturcara : **Seperti Di Lampiran A**

4. Kerjasama YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk **mengesahkan kehadiran** dengan **melengkapkan 'Borang Pengesahan Kehadiran'** seperti di **Lampiran B** ke pihak urus setia melalui emel: mnaim@kk.gov.my **selewat-lewatnya pada 15 Disember 2014 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengah hari.**

5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini boleh dirujuk kepada pegawai seperti berikut:

i) Encik Mohamad Naim bin Othman
No. Telefon : 03-2771 5438
No. Faks : 03-2711 8346
E-mel : mnaim@kk.gov.my

Kerjasama YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam menjayakan program amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SARANI BIN DOLLAH)
TKSU(P)

Ruj : KKR.PSM.500-3/4 Jld. 22 (iD)

Tarikh : 11 Disember 2014

PROGRAM
WACANA KEPIMPINAN PERDANA:
PPTD BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

ATUR CARA

Tarikh : 17 Disember 2014 (Rabu)
Masa : 4.30 - 6.30 petang
Tempat : Dewan Perdana
Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya
(PICC)

| MASA | PERKARA |
|-------------|--|
| 4.30 petang | Ketibaan Ahli-Ahli PPTD |
| 5.00 petang | Ketibaan Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan |
| 5.05 petang | Ketibaan Y.Bhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 5.10 petang | Ketibaan Y.Bhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara |
| 5.15 petang | Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia |
| | Nyanyian Lagu Negaraku |
| | Nyanyian Lagu Perkhidmatan Awam |
| | Bacaan Doa |
| | Ucapan Aluan Presiden PPTD |
| | Ucapan YAB Perdana Menteri |
| | Perasmian Portal PPTD oleh YAB Perdana Menteri |
| | Jamuan <i>Hi-Tea</i> |
| 6.15 petang | Bersurai |